



Jerebu Beri Kesan Buruk Kepada Sektor Pertanian



Sidang media dihadiri wakil media dari stesen televisyen TV3, RTM, Bernama TV serta wakil akhbar Harian Metro, Sinar Harian, Berita Harian, Kosmo, Bernama Wires dan Bernama Radio

SERDANG, 19 Jun – Masalah jerebu yang melanda negeri-negeri pantai barat Semenanjung dalam tempoh yang panjang akan memberi kesan buruk kepada sektor pertanian, penternakan dan perikanan.

Ketua Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM, Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom Abdullah berkata sektor pertanian akan mengalami kekurangan hasil kerana tanaman seperti sayur-sayuran memerlukan cahaya matahari yang cukup untuk tumbesaran.

"Apabila produktiviti tanaman berkurangan kerana jerebu menyebabkan pancaran lemah cahaya matahari, ia boleh menyebabkan kematian tanaman," katanya yang merupakan pakar dalam bidang Ecophysiology dan Landfill Gas Monitoring and Modelling.

Beliau berkata pembiakan haiwan ternakan juga boleh menurun kerana haiwan berada dalam keadaan stress sementara industri ternakan ikan boleh terjejas kerana tumbuhan alga yang menjadi sumber makanan plankton dan ikan memerlukan cahaya matahari yang cukup untuk membiak.

"Sukar untuk mengatasi kesan jerebu terhadap sektor pertanian selain mengawal peratusan asap kenderaan, asap industri kilang dan pembakaran terbuka dengan menguatkuasakan undang-undang secara tegas," katanya pada sidang media 'Isu Jerebu' anjuran Bahagian Komunikasi Korporat di sini semalam.

Dr. Ahmad menjangkakan jerebu akan terus melanda negara sehingga bulan September depan kerana faktor tempoh kering, tiupan angin barat daya yang lemah dari Sumatera, pembakaran terbuka di Sumatera serta fenomena El-Nino pada bulan depan.

Katanya aktiviti pembakaran untuk membuka ladang pertanian di Sumatera masih berlaku kerana banyak tanda hot spots telah dikesan di sana.

Ketua Jabatan Pengurusan Alam Sekitar UPM, Prof. Madya Dr. Mohd. Bakri Ishak pula menggesa negara ASEAN memperbaiki sistem menangani jerebu yang lebih tegas daripada permuafakatan sedia ada pada tahun 2002 kerana permuafakatan tersebut masih gagal mengambil tindakan punca jerebu negara anggota.

"Perlu ada sistem yang dibangunkan oleh pakar universiti negara ASEAN yang membuat penyelidikan bersama bagi merangka saluran yang jelas seperti pelan tindakan mengawal punca jerebu negara anggota selain negara penyebab perlu menggalas tanggungjawab untuk mengatasinya dengan berkesan.

"Sistem dan modul ini boleh menyelesaikan pertelingkahan untuk keharmonian ASEAN seperti mana Amerika Syarikat dan Kanada tidak bertelingkah jika berlaku hujan asid di Kanada yang berpunca daripada sektor perkilangan Amerika," katanya yang juga pakar dalam bidang Law of Industrial Waste, Environmental Law, Local Government Law dan Environmental Law and Planning.

Beliau turut sependapat dengan Dr. Ahmad bahawa masalah jerebu akan memberi kerugian besar bukan sahaja kepada sektor ekonomi pertanian dan perikanan tetapi sektor ekonomi pelancongan.

Dr. Bakri berkata terdapat 61 kawasan pembakaran terbuka di Riau, Sumatera yang telah menjejaskan kualiti udara.

Sidang media tersebut dihadiri Dekan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Prof. Mad Nasir Shamsudin dan wakil media dari stesen televisyen TV3, RTM, Bernama TV serta wakil akhbar Harian Metro, Sinar Harian, Berita Harian, Kosmo, Bernama Wires dan Bernama Radio.



Sidang media dihadiri Dekan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Prof. Mad Nasir Shamsudin (kiri), Ketua Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM, Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom Abdullah (dua dari kiri) dan Ketua Jabatan Pengurusan Alam Sekitar UPM, Prof. Madya Dr. Mohd. Bakri Ishak

Berita ini ditulis oleh Seksyen Media dan Publisiti